

Tahun 6 Peratus 2.

1. Rahman melaburkan RM8 000 untuk pendidikan anaknya. Faedah yang diterimanya setiap tahun ialah 3.2%. Dia tidak mengeluarkan wangnya selama setahun. Berapakah jumlah wangnya selepas setahun?

RM \_\_\_\_\_

2. Kamal menerima wang saku RM4 setiap hari. Dia menyimpan RM1 setiap hari. Berapa hariakah Kamal perlu menyimpan untuk mendapat 200% daripada jumlah wang sakunya selama seminggu?

\_\_\_\_\_ hari

3. Pelaburan saham pendidikan untuk Ali dibuat oleh ibunya meningkat sebanyak 14% dan bernilai RM15 200. Jika dia inginkan nilai pelaburannya  $1\frac{1}{2}$  kali daripada itu, berapakah wang yang perlu dia laburkannya?

RM \_\_\_\_\_

4. Jadual menunjukkan pelaburan Ali dan Salman.

| Nama   | Simpanan | Dividen Tahunan |
|--------|----------|-----------------|
| Ali    | RM4 800  | 5%              |
| Salman | RM5 000  | 3.5%            |

Simpanan siapakah yang lebih banyak selepas 2 tahun?

\_\_\_\_\_

5. Kamal menerima gaji sebanyak RM3 625 sebulan. 20% daripada gajinya itu digunakan untuk membeli barangan dapur. Berapakah perbelanjaan Kamal untuk membeli barang keperluan dapur?

RM \_\_\_\_\_

6. Ramli menjual 20% daripada 250 biji durian yang telah dipungut di dusunnya. 60% daripada baki durian itu akan dihantar ke kedai Pak Abu. Berapakah bilangan durian yang tinggal?

\_\_\_\_\_ biji

7. Salman menyimpan RM2 100 ke dalam bank. Dia mengekalkan simpanannya selama 2 tahun. Pada tahun pertama, dia menerima faedah 3%. Pada tahun kedua, dia menerima faedah 1.25%. Hitung jumlah simpanannya selepas 2 tahun.

RM \_\_\_\_\_